



Setempat

PRIme panduan berguna

0 0 Google +0 0 0

[Cetak](#)

Genting Highlands: "Ternyata PRIme (Program Residency dan Immersion) cukup berguna buat PGB (Pengetua/Guru Besar) Lantikan Baharu mendapatkan panduan menyeluruh tanggungjawab yang dipikul," kata Datin Jamalia Masri, 57.

Beliau antara PGB Lantikan Baharu yang menyertai Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-21 di Institut Aminuddin Baki dan mengakui keberkesanan PRIme.

Menurutnya, walaupun berpengalaman mengendalikan sekolah dengan tiket Penolong Kanan 1 di Cheras selama enam tahun, baginya itu bukan bermakna beliau mengetahui segalanya berkaitan pengurusan sekolah.

"Memang banyak yang saya pelajari sepanjang PRIme termasuk seminar ini dan saya gembira mendapat mentor seperti Ruslan Madon yang dikenali sebagai guru besar cemerlang yang mengendalikan sekolah berprestasi tinggi iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Setiawangsa," katanya.

Bagi Tan Sow Yong, 53, yang juga PGB Lantikan Baharu, misi membangunkan sekolah sebagaimana direncanakan kerajaan akan direalisasi sebaik mungkin berbekalkan latihan intensif Kementerian Pendidikan khususnya melalui PRIme.

Artikel ini disiarkan pada : 2014/09/03